



'Jawab soalan saya dulu...'

HARIAN METRO - 25/09/18 - SETEMPAT - ms 14

Kuala Lumpur:

Bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak digesa jangan cuba mengelak daripada menjawab persoalan bagaimana dana di dalam akaun kerajaan berkurangan kepada RM450 juta daripada RM11.86 bilion.

Menteri Kewangan Lim Guan Eng berkata, soalan beliau kepada Najib adalah mudah, mengapa wang yang ditinggalkan kepada kerajaan baharu menyusut daripada RM11.86 bilion pada akhir 2017 kepada hanya RM450 juta, penyusutan 96

peratus atau RM11.41 bilion.

"Beliau tidak mampu menjawab soalan ini. Apabila ditanya, beliau cuba mengelak memberitahu apa yang saya seharusnya tahu (mengenai perkara ini).

"Saya tidak akan menjawab 17 soalan dilemparkan Najib ini selagi beliau tidak menjelaskan persoalan kehilangan wang berkenaan," katanya pada sidang media sempena Persidangan Tahunan Pemaju Hartanah: Siri CEO Institut Persatuan Pemaju Rumah dan Hartanah Malaysia (REHDA) 2018 di sini, semalam.